

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes rasuah disiasat dan disabitkan oleh SPRM dalam tempoh lima tahun lepas yang melibatkan rasuah wang kurang daripada RM1000.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM tidak dapat memperincikan kes-kes siasatan rasuah mengikut jumlah nilai rasuah. Ini kerana kes rasuah tidak semestinya melibatkan nilai wang semata-mata tetapi melibatkan perkhidmatan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kes-kes bersindiket.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, walaupun seseorang pelaku rasuah menerima nilai amaun rasuah yang kecil, namun impak buruk dari hasil perlakuan rasuah tersebut boleh menjurus kepada ancaman keselamatan negara, kesejahteraan masyarakat dan ekonomi terutamanya melibatkan kehilangan hasil negara berjumlah jutaan hingga berbillion ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 31

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang langkah kerajaan dalam mengawal taktik penipuan (Hidden Agenda) yang dikenakan terhadap penumpang kapal terbang oleh Syarikat Penerbangan Awam di Negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , dalam mengawal taktik penipuan (*hidden agenda*) yang dikenakan terhadap penumpang kapal terbang oleh syarikat penerbangan awam di Negara ini, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Biro Pengaduan Awam telah menyediakan pelbagai saluran termasuk laman web bagi membolehkan para pengguna menyalurkan maklumat berhubung taktik penipuan (*hidden agenda*) yang dikenakan terhadap penumpang kapal terbang oleh syarikat penerbangan awam. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat tersebut, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya berlandaskan peraturan sedia ada.